



IMRAN HO ABDULLAH (tengah) menyerahkan replika cek bernilai RM140,000 kepada Awang Suffian Awang Piut (dua dari kiri) sambil disaksikan oleh Dr. Muraweh Musa Nassar (tiga dari kiri) di Canselori UKM, Bangi, semalam. - UTUSAN/AZMAN IBRAHIM DAN HASIF

Terus doa keselamatan penduduk Palestin

KUALA LUMPUR 18 Dis. - Pengerusi Jawatankuasa Baitulmuqaddis Kesatuan Ulama Dunia, Dr. Muraweh Musa Nassar memohon seluruh rakyat Malaysia terutamanya umat Islam berdoa atas keselamatan dan kesejahteraan penduduk Palestin yang ditindas rejim zionis Israel.

Malah, beliau berterima kasih kepada Malaysia yang tidak pernah berhenti menyokong dan berusaha membantu penduduk Islam di sana sejak sekian lama.

"Di sini, saya ingin menyeru semua saudara Islam agar semua memainkan peranan dalam bidang masing-masing dan terus membantu rakyat Palestin dan menyokong perkembangan Masjid Al-Aqsa," katanya sewaktu menyampaikan ucapan pada Bicara Persada Ke-41, Trump vs Dunia (Baitulmuqaddis Milik Siapa?) di Canselori UKM, Bangi dekat sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Timba-

lan Naib Canselor Hal Ehwal Industri dan Jaringan Masyarakat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Imran Ho Abdullah; Ketua Pegawai Eksekutif Aman Palestin Bhd., Awang Suffian Awang Piut; Timbalan Penasihat Undang-Undang UKM, Prof. Madya Dr. Salawati Mat Basir; dan Ketua Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam UKM, Dr. Azmul Fahimi Kamaruzaman.

Pada majlis itu, UKM menyerahkan sumbangan bernilai RM140,000 kepada Aman Palestin Bhd.

Tambah Muraweh Musa, dua bilion umat Islam seluruh dunia sewajarnya mengambil kesempatan untuk mendapat pahala berlipat ganda dengan mengunjungi dan menghayati sendiri kesucian Masjid Al-Aqsa.

Katanya, terdapat hadis yang menyebut; sebaik baik masjid adalah masjid ini (Masjid Al-Aqsa).

"Hadis ada menyebut, sesiapa

sahaja yang lihat sahaja masjid itu, akan mendapat kelebihan seolah-olah mendapat segala kebaikan di dunia. Kenapa dua bilion umat Islam membiarkan pahala itu begitu sahaja?" ujarnya.

Menyentuh mengenai usaha dan aktiviti yang dijalankan di Masjid Al-Aqsa, Muraweh Musa berkata, langkah yang dilakukan pihaknya adalah mewujudkan majlis-majlis ilmu yang dihadiri kanak-kanak dan wanita.

Malah, katanya, penglibatan kanak-kanak dan wanita dalam majlis ilmu ini turut dihalang oleh kaum tentera Yahudi.

"Kami turut memberi pendidikan kepada kanak-kanak yang berusia enam hingga 12 tahun. Kami tarbiah mereka supaya mereka sayang Masjid Al-Aqsa dan akan terus pertahankan kesuciannya," ujarnya.

Selain itu, beliau memberitahu, semua pelawat yang mengunjungi ke Masjid Al-Aqsa akan diberi pas percuma.